

# Amalkan 5S sempena Syawal



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

16 29-05-2012 B3

**ALHAMDULILLAH** syukur kepada Allah kerana masih berkesempatan untuk menyambut 1 Syawal pada tahun ini. Walaupun dalam suasana yang serba kesederhanaan dalam menjalani ibadat berpuasa pada bulan Ramadan namun sebagai seorang muslim persiapan raya perlu juga dititik beratkan. Bagi yang tidak sempat pulang ke kampung halaman mungkin pada

minggu kedua Syawal sudah ada kelapangan masa, baliklah segera menziarahi sanak saudara dan sahabat handai dan jangan juga dilupakan untuk menjenguk pusara-pusara orang yang disayangi. Al maklumlah apabila berada di perantauan sudah tentu pusara jarang dijenguk dan tidak terjaga. Oleh yang demikian selama sebulan semua umat Islam telah dilatih untuk menahan hawa nafsu, menahan diri dari lapar dan dahaga maka Syawal juga dijadikan tempat untuk bermaaf-maafan antara satu sama

lain.

Namun sejauh mana kemaafan tersebut diberikan sama ada ikhlas atau pun dipaksa bergantung kepada setiap individu. Walau bagaimanapun hal yang demikian perlu dititik beratkan kerana setiap orang tidak sama corak pemikirannya. Justeru itu dalam pergaulan seharian dengan rakan-rakan, sanak saudara, jiran tetangga perlu dijaga dari sudut tutur kata, tingkah laku, pergaulan dan sebagainya kerana ada insan yang sukar untuk memberikan

kemaafan pada orang lain. Lantaran itu jadilah insan berkualiti pergaulannya dan hebat komunikasinya supaya dihormati oleh orang-orang yang berada di persekitarannya.

Tambahan pula kalau tidak ada rumah terbuka maka tidak meriah sambutan hari raya. Oleh yang demikian sudah tentu pelbagai juadah yang disediakan. Maka gunakanlah peluang menghadiri rumah terbuka tersebut untuk menjalinkan silaturahim antara satu sama lain. Jangan pula dilupakan untuk mengamalkan 5S

iaitu salam, sapa, senyum, sedekah dan silaturahim. Ini disebabkan dengan 5S tersebut akan dapat mengeratkan ukhawah antara tetamu yang hadir.

Selain daripada itu adab-adab bertandang juga perlu dijaga, kalau berborak jaga tutur kata dan adab sopan, jangan sampai bergelak sakan sehingga mengganggu tetamu-tetamu yang lain. Maka bermanis muka adalah dituntut untuk menjalinkan persahabatan dengan tetamu-tetamu yang lain. Di samping itu juga sekiranya tuan rumah mempunyai anak-

anak maka jangan lokek untuk menghulurkan duit raya. Sudah tentu akan menambahkan keceriaan kepada anak-anaknya.

Tambahan pula fesyen berpakaian juga perlu sesuai dengan situasi. Ada sesetengah tetamu yang bertandang di rumah dengan hanya berseluar pendek, berpakaian ketat, menjolok mata dan sebagainya. Keadaan tersebut akan memberikan imej yang kurang sesuai dan memberikan ketidakselesaan kepada tetamu yang lain dan menyebabkan tuan rumah

juga serba salah.

Justeru itu sekiranya ingin menghadiri rumah terbuka kawan-kawan, jiran-jiran dan sebagainya perlu mengambil berat mengenai fesyen berpakaian supaya tidak mencacatkan majlis orang lain. Jangan dek kerana inginkan kelainan dan mencari publisiti murahan maka gaya fesyen boleh merosakkan imej diri. Oleh yang demikian pilihlah fesyen yang sesuai dengan sesuatu majlis.

*\* Penulis ialah Pegawai Psikologi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS*